



PELAJAR dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM bergambar bersama pihak pengurusan Kompleks Sri Utusan sempena lawatan mereka di Bangi, Selangor baru-baru ini.

60 pelajar UPM lawat kilang percetakan Utusan

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Sebanyak 60 pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diketuai oleh pensyarah Dr. Noor Azlin Ismail mengunjungi Kompleks Sri Utusan di Bangi dekat sini untuk lawatan sambil belajar baru-baru ini.

Pelajar-pelajar berkenaan dibawa melawat ke kilang percetakan itu bagi melihat sendiri perjalanan operasi percetakan akhbar dengan lebih dekat dan mereka diberikan penerangan oleh Kamarudin Abd. Karim dari Jabatan Pengeluaran.

Bakal graduan itu, yang sedang

mengikuti kursus Pengurusan Perniagaan Kecil, kemudiannya diberikan taklimat oleh Penolong Pengurus Perancangan dan Saluran Baru, Mohamad Asra Adlan Mohamed Asri dari Jabatan Pemasaran.

Sempena lawatan itu, rombongan berkenaan turut diberikan cenderamata oleh Pengurus Sokoingan Operasi, Idris Asaran.

Yang lebih istimewa, mereka juga menerima akses 30 hari E-Paper *Utusan Malaysia* secara percuma dan berpeluang melanggan dengan harga diskaun 50 peratus.